

02 AUG 1997

Mahathir-pelajar

FAHAMI ANTARA SATU DENGAN LAIN UNTUK MASA DEPAN LEBIH BAIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Dalam berkongsi pendapat melalui telesidang dengan sekumpulan pelajar berbagai bangsa di Kanazawa, Jepun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati mereka supaya merebut peluang untuk memahami antara satu dengan lain untuk menyumbang ke arah mewujudkan dunia yang aman damai.

Pada sidang itu di pejabatnya di sini beliau berkata mereka dapat memahami berbagai kebudayaan dan penduduk dengan berinteraksi antara satu dengan lain.

"Sekarang kita sedang menuju ke era maklumat dan dunia nampaknya semakin kecil. Sama ada kita suka atau tidak, kita akan menjadi dekat antara satu dengan lain dan sekiranya kita tidak saling memahami, kita akan menentang antara satu dengan lain," kata beliau kepada kumpulan pelajar itu yang sedang menyertai Japan Tent, satu program pertukaran pelajar tahunan yang diadakan sejak tahun 1980.

Kira-kira 350 pelajar asing daripada lebih 67 negara sedang mengikuti program selama seminggu ini di mana mereka akan dapat mengalami kehidupan biasa di Jepun dengan tinggal bersama keluarga angkat di sana.

Dr Mahathir berkata dengan mengadakan program mengumpulkan pelajar-pelajar dari seluruh dunia, usaha untuk mewujudkan dunia yang harmonis dalam era Maklumat ini akan dapat dijalankan.

Seorang pegawai berkata pelajar-pelajar itu telah diminta memilih seorang pemimpin dalam sidang itu dan Dr Mahathir ialah pilihan favorit.

Pelajar-pelajar itu, yang kebanyakannya belajar di universiti, mengemukakan soalan-soalan berkisar dari pengapungan Baht Thailand hingga ke program Japan Tent, Asean, Koridor Raya Multimedia (MSC) dan masalah pekerja asing di Malaysia.

"Dunia memerlukan saling memahami antara penduduk-penduduk di negara yang berlainan dan dari keturunan yang berbeza," kata Dr Mahathir mengenai Japan Tent yang setakat ini telah disertai oleh 60,000 pelajar.

Dengan memberi peluang kepada peserta-peserta bertemu antara satu dengan lain di peringkat usia yang muda itu, ia akan memupuk persefahaman di kalangan mereka mengenai penduduk-penduduk yang bukan dari negara mereka atau dari bangsa yang lain.

Mengenai Asean, Dr Mahathir berkata persatuan serantau itu tidak akan menjadi seperti Kesatuan Eropah yang "mahu menjadi sebuah negara seperti Amerika Syarikat dengan mempunyai parlimen Eropahnya sendiri."

"Kami berbeza, walaupun saya tidak boleh katakan bahawa dalam masa 100 tahun lagi kami tidak akan menjadi kesatuan, tetapi buat masa sekarang apa yang kami mahu lakukan ialah untuk bekerjasama dengan rapat, untuk membangunkan negara kami dan apabila ada masalah politik yang melibatkan kami, kami akan bertindak bersama untuk memberikan kami suara yang lebih kuat," katanya.

Mengenai MSC, seorang pelajar Amerika bertanya Dr Mahathir sama ada beliau mempunyai pengetahuan mengenai projek itu!

Sebagai pencetus idea projek itu, beliau dengan mudah menjelaskan mengenai usaha itu, dengan berkata sekiranya ia baik ia perlu disebar ke seluruh dunia.

Beliau juga berkata Malaysia dan negara-negara Asean yang lain akan dapat mengeluarkan barang-barang yang lebih murah untuk pasaran dunia sekiranya mendapat pelaburan asing yang lebih.

"Sebagaimana yang anda tahu kos pengeluaran di Eropah adalah sangat

tinggi dan apa yang dikeluarkan di Eropah tidak boleh bersaing di pasaran dunia, tetapi sekiranya syarikat-syarikat Eropah datang ke sini dan membuat pengeluaran mereka di sini, mereka dapat kurangkan kos dan mendapat untung yang lebih.

"Pada masa yang sama, mereka dari golongan pendapatan rendah akan juga dapat membeli barang-barang itu. Pada satu caranya anda membantu membahagikan kekayaan di seluruh dunia dengan melabur di negara kos rendah seperti Malaysia dan negara-negara Asean yang lain," Kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AZZ WAT